

Perception and Impact of Mural Existence on the Economy of the Community in Ipoh

Persepsi Dan Kesan Kewujudan Mural Terhadap Ekonomi Masyarakat Di Ipoh

Noor Enfendi Desa¹, *Noor A'yunni Muhamad², Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin³
^{1,2,3}Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

enfendi@uitm.edu.my¹, *noora691@uitm.edu.my², nurad370@uitm.edu.my³
*Corresponding author

Received: (leave blank); Accepted: (Leave blank); Published: (leave blank)

ABSTRACT

The negative perception of wall paintings has shifted from being considered vandalism to being appreciated as art that enhances the environment. In the past, murals were painted on school walls to spark students' interest in learning by depicting natural landscapes and technology. Today, murals beautify public and commercial buildings, promote brands and products, and attract tourists. Mural art has existed since prehistoric times, as evidenced by the paintings in the Lascaux Caves, France, and has been used as a form of communication and storytelling of daily activities. Research shows that murals can enhance aesthetic value, provide identity, and strengthen community pride. Additionally, they have a positive economic impact by attracting tourists and increasing property values, which in turn encourages investment in the area. A survey conducted in Ipoh City, Perak, found that the majority of respondents have a positive perception of murals, recognizing them as a means to beautify the surroundings, convey information, and reflect local culture. This study confirms that murals have a positive impact on both society and the local economy, although there may still be negative perceptions if they are seen as disruptive.

Keywords: Perception, mural, aesthetics, economy, Ipoh.

ABSTRAK

Persepsi negatif terhadap lukisan dinding telah berubah dari dianggap sebagai vandalisme kepada dihargai sebagai seni yang memperindah persekitaran. Dahulunya, mural dilukis pada dinding sekolah untuk menarik minat belajar dengan menggambarkan pemandangan alam dan teknologi. Kini, mural memperindah bangunan umum dan komersial, mempromosikan jenama dan produk, serta menarik pelancong. Seni mural telah wujud sejak zaman prasejarah, terbukti dari lukisan di Gua Lascaux, Perancis, dan digunakan untuk komunikasi dan menceritakan aktiviti harian. Penelitian menunjukkan bahawa mural dapat meningkatkan nilai estetika, memberikan identiti, dan mengukuhkan kebanggaan masyarakat, serta kesan ekonomi yang positif dengan menarik pelancong, dan meningkatkan nilai hartanah untuk menarik pelaburan ke kawasan tersebut. Kaji selidik di sekitar Bandaraya Ipoh, Perak, mendapati majoriti responden memiliki persepsi positif terhadap mural, berfungsi untuk memperindah persekitaran, alat penyampaian informasi, dan cerminan budaya tempatan. Penelitian ini menegaskan bahawa mural memiliki kesan positif terhadap masyarakat dan ekonomi tempatan, walaupun kemungkinan ada persepsi negatif jika dianggap mengganggu.

Kata Kunci: Persepsi, mural, estetika, ekonomi, Ipoh.



1 PENDAHULUAN

Jika dahulunya, persepsi negatif wujud terhadap lukisan yang dibuat pada dinding samada menggunakan cat berus atau pun semburan. Perbuatan ini dianggap sebagai vandalisma yang merosakkan dan mencacatkan pemandangan di sesebuah bangunan atau kawasan. Manakala lukisan dinding atau mural yang menggambarkan suasana permandangan sawah padi, bukit bukau, air terjun serta permandangan laut dalam, imejan yang berkaitan perkembangan teknologi dan juga imej-imej pembelajaran seperti pengiraan dan mengenal huruf sering ternampak di bangunan-bangunan sekolah. Fungsi lukisan mural pada ketika itu adalah untuk mengindahkan persekitaran sekolah dan menarik minat pelajar sekolah untuk belajar. Kini lukisan mural semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat, bagi memperindahkan bangunan setempat, serta tidak terkecuali premis perniagaan runcit, restoran makanan dan juga industri pelancongan. Lukisan mural menjadi salah satu kaedah untuk memasarkan jenama dan juga produk jualan mereka kepada masyarakat. Menurut Landi (2012), bentuk hiasan kekal atau sementara, tergolong dari mana-mana disiplin seni sama ada klasik mahupun kontemporari tidak terhad kepada arca, mural, timbulan; dipasang dengan tujuan untuk meningkatkan, menentukan secara fizikal, mempromosikan atau menubuhkan identiti dalam sesuatu ruang atau tempat.

Seni mural telah ditemui dan dipercayai telah wujud sejak tahun 50,000 hingga 100,000 tahun sebelum masehi iaitu sejak zaman prasejarah lagi. Pada zaman tersebut, mereka telah membuat lakaran dan lukisan pada dinding-dinding gua. Hal ini terbukti dengan penemuan lukisan pada dinding Gua Lauscaux di Selatan Perancis. Lukisan yang di buat pada dinding gua adalah lakaran aktiviti seharian mereka. Menurut Wahiza, (2019) mereka membuat lukisan pada dinding adalah cara untuk mereka berkomunikasi dan juga menceritakan aktiviti seharian mereka. Imej-imej yang dihasilkan adalah lakaran imej aktiviti berburu, dan juga gambaran aktiviti keagamaan atau kepercayaan mereka pada zaman tersebut. Mereka menggunakan bahan-bahan semulajadi seperti tanan, tumbuh-tumbuhan serta buah-buahan bagi mendapatkan warna untuk melukis dan mewarnakannya.

Secara keseluruhannya, mural sering dihargai kerana keupayaan untuk mengubah persekitaran bandar, memberikan rasa identiti dan kebanggaan kepada masyarakat, dan berfungsi sebagai cara ekspresi kreatif untuk artis. Walau bagaimanapun, sesetengah orang mungkin mempunyai persepsi negatif terhadap mural jika ia dilihat mengganggu atau seperti grafiti, terutamanya jika dihasilkan tanpa kebenaran atau di tempat yang tidak dibenarkan.

2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Definisi Mural

Perkataan Mural adalah berasal daripada bahasa Latin iaitu 'Murus' yang bermaksud dinding. Secara umumnya, definisi mural adalah karya lukisan yang dilukis pada dinding yang berskala besar dan bersifat kekal. Mural juga tidak terhad kepada dinding semata-mata, ia termasuklah lukisan yang dihasilkan pada lantai, meja, dan siling. Seni mural dikategorikan sebagai seni awam. Menurut Siti Syamimi Omar et al (2016), seni awam ialah ekspresi fizikal idea, perasaan dan mesej kepada penonton awam dalam ruang awam.

Mural adalah salah satu bentuk penyampaian seni visual, yang mempunyai maksud atau tarikan yang tersendiri untuk diperlihatkan kepada masyarakat. Penghasilan seni mural adalah salah satu tarikan bagi sesuatu tempat, daerah, atau negeri. Ia memperlihatkan dengan imej-imej yang berkaitan dengan sejarah, sosial budaya dan juga ekonomi setempat. Mural mencerminkan sejarah dan kebudayaan Melayu yang dihasilkan oleh karyawan tempatan pada ketika itu, Mohd Aripin & Muhamad (2017).

Seni mural bersifat demokratik atau bebas, ianya boleh dipertontonkan oleh semua masyarakat kerana ianya berkaitan dengan peristiwa, pengalaman semasa atau yang lepas (Schneller et al, 2014). Menurut Mustafa, M. 2009, seni awam (*public art*) kadangkala dilihat sebagai manifestasi berdasarkan aspirasi politik dan budaya yang bersilang dengan pengindahan bandar.

2.2 Nilai Estetika

Mural mempunyai nilai estetika yang signifikan kepada masyarakat. Mural berskala besar dan menarik perhatian, boleh memberi kesan yang ketara pada landskap visual sesebuah komuniti. Seni mural merupakan satu media yang agak menjadi perhatian dan keutamaan orang ramai pada zaman kini bagi mengekspresi idea yang menggunakan susunan imej, W. Mohd Apandi (2018). Mural mencantikan kawasan yang agak membosankan atau tidak menarik. Di samping itu juga, mural menyampaikan informasi penting dan menggambarkan tentang sejarah, budaya dan nilai komuniti. Hal ini, dapat membantu memupuk rasa bangga dan jati diri dalam kalangan penduduk setempat dan mewujudkan semangat kemasyarakatan yang lebih kukuh. Mural juga berfungsi sebagai satu bentuk seni awam yang boleh diakses oleh semua orang, tanpa mengira latar belakang atau status sosioekonomi mereka.

Selain nilai estetikanya, mural juga memberi manfaat praktikal kepada masyarakat. Sebagai contoh, mural boleh menghalang grafiti dan bentuk vandalisme lain, kerana ia mewujudkan rasa pemilikan dan kebanggaan dalam komuniti. Mural juga membantu untuk menghidupkan semula kawasan bandar dan menarik pelawat dan pelancong, yang boleh memberi manfaat ekonomi untuk perniagaan dan organisasi tempatan.



Figura 1 Mural aktiviti melombong dilorong belakang Restoran *Old Town White Coffee*.
(Sumber: koleksi peribadi)

Secara keseluruhannya, mural mempunyai nilai estetik yang signifikan kepada masyarakat, serta faedah praktikal yang menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan sesebuah komuniti.



Figura 2 Mural aktiviti perniagaan di Jalan Sultan Yusof
(Sumber: koleksi peribadi)

2.3 Mural Sebagai Daya Tarikan Pelancongan

Mural adalah salah satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan tempatan dalam membantu membantu warga setempat bagi menjana pendapatan khususnya menerusi sektor pelancongan. Inisiatif ini dilakukan dengan kerjasama daripada pelukis-pelukis mural tempatan dan pelukis dari luar negara. Mural semakin menjadi tarikan pelancong yang popular di kebanyakan bandar dan pekan di seluruh dunia. Karya seni berskala besar ini mempamerkan kepelbagaian budaya dan kreativiti sesuatu tempat dan menambah daya tarikan visual keseluruhan bandar.

Di samping menarik pelancong, mural mempunyai beberapa faedah kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat tempatan, termasuk lebih ramai pelancong berjalan dan mengunjungi kedai atau perniagaan, mempromosikan jenama dan identiti budaya bandar, dan sekali gus menghidupkan semula kawasan yang kurang lawati atau diabaikan.

Pelawat sering tertarik ke bandar dengan komuniti yang berwarna-warni dan artistik, dan mural adalah cara terbaik untuk mempamerkan perkara tersebut. Dengan mempamerkan mural dapat memberi peluang kepada pelancong untuk belajar tentang budaya, sejarah dan cerita tempatan, serta menyediakan peluang berfotografi yang boleh dikongsi di media sosial.

Secara keseluruhannya, mural menawarkan cara unik untuk mempamerkan persembahan seni dan budaya sesebuah bandar, dan menjadikannya salah satu usaha dalam membangun industri pelancongan dan merencanakan lagi perkembangan ekonomi setempat.

3 KAEDAH KAJIAN

Kaji selidik merupakan kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data. “Data yang didapati daripada kaji selidik responden adalah data yang berbentuk penjelasan yang tepat”, (Mile, et.al 1984). Menurut Mohd. Majid Konting (2004) proses kaji selidik ini melibatkan penilaian terhadap aspek-aspek seperti perkaitan, kebolehpercayaan, kebolehulangan, dan kebolehgunaan data. Dengan memastikan data tersebut sesuai dan tepat untuk keperluan kajian, kesahan data yang diperoleh daripada kaji selidik tersebut dapat ditingkatkan, menjadikan hasil kajian lebih dipercayai dan bermakna. Ini merupakan langkah penting dalam proses penyelidikan yang berpandukan kaedah kajian yang kukuh dan berfokus pada kualiti data yang dihasilkan.

Kaji selidik ini telah diedarkan secara rawak pada satu masa tertentu di sekitar bandaraya ipoh, Perak. Responden memberi maklum balas secara dalam talian iaitu menerusi aplikasi google form, manakala pula soalan kaji selidik bersifat tertutup. Objektif menggunakan kaji selidik tertutup, adalah kerana soalan yang berstruktur dan memudahkan responden memilih daripada pilihan jawapan yang diberikan.

Kaedah menganalisis data yang digunakan adalah secara kuantitatif. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif yang berbentuk peratusan dan kuantiti. Data diperoleh daripada kaji selidik yang diberikan kepada responden. Jumlah data responden yang tepat boleh dijana terus melalui pangkalan data google form. Daripada dapatan data tersebut, jumlah peratusan dan kuantiti responden dimasukkan kedalam jadual. Responden perlu menjawab soalan umum dan pilihan jawapan ya atau tidak bagi mengenal pasti tahap persepsi mereka terhadap mural.

4 PERSEPSI DAN KESAN KEWUJUDAN MURAL

Tinjauan kaji selidik ini melibatkan seramai 26 orang responden yang terdiri daripada komuniti setempat. Hasil analisis mendapati seramai 18 orang atau 69.2% adalah responden perempuan, manakala 30.8% bersamaan 8 orang responden adalah lelaki. Tinjauan responden daripada peringkat umur pula diberi kepada kumpulan pecahan peringkat umur iaitu kumpulan pertama berumur antara 16 hingga 20 tahun, kedua pula adalah 21 hingga 30 tahun, ketiga responden yang berumur antara 31 hingga 40 tahun dan yang terakhir adalah kumpulan yang berumur antara 41- 50 tahun. Majoriti mendapati seramai 11 orang atau bersamaan 42.3% responden yang berumur antara 31 hingga 40 tahun. Manakala responden berumur antara 16 hingga 20 tahun berjumlah 10 orang (38.5%) kedua tertinggi dan seterusnya lima orang responden (19.2%) daripada kumpulan umur antara 21 hingga 30 tahun. Walaubagaimanapun tiada responden daripada kumpulan umur antara 41-50 tahun.

Bagi analisis seterusnya, mengikut pecahan bangsa pula mendapati majoriti responden berbangsa Melayu iaitu berjumlah 21 orang bersamaan 80.8 %. Responden berbangsa India seramai empat orang bersamaan 15.46%, seorang responden (3.8%) barbangsa Cina. Bagi lain-lain bangsa tiada responden direkodkan. Bagi pecahan mengikut pekerjaan pula, seramai 12 orang (46.2%) adalah pelajar, tujuh orang (26.9 %) pula yang bekerja di sektor swasta, lima orang (19.2%) bekerja sendiri dan dua orang responden bekerja di sektor kerajaan. Hasil analisis kaji selidik ini ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 Taburan data demografi responden kaji selidik

Kategori	Kekerapan(n)	Peratusan%
Jantina		
Lelaki	8	30.8
Perempuan	18	69.2
Umur		
16-20 Tahun	10	38.5
21-30 Tahun	5	19.2
31-40 Tahun	11	42.3
40-50 Tahun	0	0
Bangsa		
Melayu	21	80.8
Cina	1	3.8
India	4	15.4
Lain-lain	0	0
Pekerjaan		
Pelajar	12	46.2
Sektor swasta	7	26.9
Bekerja Sendiri	5	19.2
Sektor kerajaan	2	7.7

Sumber: Kaji selidik 2024

Hasil kaji selidik menunjukkan responden memberi persepsi positif terhadap lukisan mural di dinding bangunan sekitar Bandaraya Ipoh. Responden telah memberi maklum balas yang positif terhadap persepsi lukisan mural dan bersesuaian dengan tema yang disampaikan dalam lukisan mural. Perbincangan ini seperti hasil analisis berikut.

Jadual 2 Persepsi Masyarakat Terhadap Mural.

Bil.	Soalan	Ya		Tidak	
		%	Kekerapan (n)	%	Kekerapan (n)
1.	Adakah mural boleh mencantikan bangunan?	100	26	0	0
2.	Adakah mural dapat menyampaikan maklumat?	96.2	25	3.8	1
3.	Mural memberi gambaran sosio budaya setempat?	96.2	25	3.8	1
4.	Adakah mural menjadi pilihan masyarakat untuk memperindahkan kawasan?	100	26	0	0
5.	Adakah ia menceritakan sejarah atau latar belakang sesebuah tempat?	88.5	23	11.5	3

Sumber: Kaji Selidik 2024

Jadual 2, menunjukkan analisis berkenaan persepsi masyarakat terhadap mural yang ada di sekitar bandaraya Ipoh, Perak. Hasil daripada data menunjukkan 100% atau 26 orang responden bersetuju dengan soalan 1, Adakah mural boleh mencantikan bangunan?. Bagi soalan kedua, Adakah mural dapat menyampaikan maklumat? Seramai 96.2% atau 25 orang responden bersetuju, manakala seorang atau 3.8% tidak bersetuju. Soalan ketiga, Mural memberi gambaran sosio budaya setempat? Menunjukkan jumlah responden yang sama dengan soalan kedua bersetuju iaitu 96.2% dan 3.8% tidak bersetuju. Seterusnya soalan yang keempat, mendapati semua 100% responden bersetuju dengan soalan iaitu, Adakah mural menjadi pilihan masyarakat untuk memperindahkan kawasan? Manakala soalan yang kelima, Adakah ia menceritakan sejarah atau latar belakang sesebuah tempat?, pula menunjukkan seramai 88.5% atau 23 orang responden bersetuju dan 11.5% atau 3 orang responden tidak bersetuju.

Masyarakat setempat menunjukkan persepsi yang positif terhadap mural di sekitar Bandaraya Ipoh. Majoriti amat terkesan dan bersetuju dengan semua soalan yang diajukan dan sedikit sebanyak menceritakan secara visual tentang sejarah dan latar belakang Bandaraya Ipoh.

Jadual 3 Kesan Mural Kepada Masyarakat

<i>Bil.</i>	<i>Soalan</i>	<i>Ya</i>		<i>Tidak</i>	
		%	Kekerapan (n)	%	Kekerapan (n)
1.	Adakah mural mencatitkan pemandangan persekitaran?	15.4	4	84.6	22
2.	Adakah mural satu vandalisme?	3.8	1	96.2	25
3.	Adakah mural memberikan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap seni?	92.3	24	7.7	2
4.	Adakah masyarakat bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan keindahan setempat?	100	26	0	0
5.	Adakah mural dapat memberi kesan positif kepada masyarakat?	92.3	24	7.7	2

Sumber: Kaji Selidik 2024

Jadual 3, menunjukkan data analisis kesan mural kepada masyarakat. Sebanyak 84% atau 22 orang responden direkodkan tidak bersetuju, manakala 15.4% atau empat orang responden bersetuju dengan soalan yang pertama iaitu, Adakah mural mencatitkan pemandangan persekitaran? 96.2% atau 25 orang responden juga tidak bersetuju dan hanya seorang sahaja yang bersetuju dengan soalan yang kedua iaitu Adakah mural satu vandalisme? Seterusnya soalan yang ketiga, Adakah mural memberikan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap seni? Seramai 24 orang responden atau 92.3% bersetuju dan hanya dua orang tidak bersetuju. Bagi soalan yang keempat, kesemua responden bersetuju dengan soalan iaitu, Adakah masyarakat bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan keindahan setempat? Seramai 24 orang responden atau 92.3% bersetuju dan 7.7% atau dua orang responden tidak bersetuju dengan soalan lima iaitu, Adakah mural dapat memberi kesan positif kepada masyarakat?

Daripada kaji selidik yang telah dijalankan, menunjukkan masyarakat telah menerima mural sebagai seni yang boleh memperindahkan sesuatu kawasan. Ini juga memujudkan penghargaan masyarakat setempat terhadap seni.

Jadual 4 Kesan Mural Terhadap Ekonomi Setempat

<i>Bil.</i>	<i>Soalan</i>	<i>Ya</i>		<i>Tidak</i>	
		%	Kekerapan (n)	%	Kekerapan (n)
1.	Pelancong tertarik terhadap lukisan mural.	100	26	0	0
2.	Ekonomi masyarakat setempat menampakkan perkembangan dengan adanya mural sebagai tarikan.	92.3	24	7.7	2
3.	Mural dapat memperkenalkan sejarah dan latar belakang sesebuah kawasan kepada pelancong.	100	26	0	0
4.	Mural merupakan tarik pelancongan yang mempunyai nilai komersial kepada ekonomi masyarakat setempat.	92.3	24	7.7	2
5.	Mural memperindahkan kawasan setempat serta dapat meningkatkan ekonomi setempat.	100	26	0	0

Sumber: Kaji Selidik 2024

Dalam jadual 4, soalan kaji selidik adalah berkisar tentang kesan mural terhadap ekonomi setempat. Bagi soalan 1, responden bersetuju 100% iaitu pelancong tertarik terhadap lukisan mural. Ini jelas masyarakat setempat amat bersetuju dengan adanya mural di kawasan mereka dan akan menjadi tarikan pelancong dari luar mahupun masyarakat setempat. Sebanyak 92.3% atau 24 orang responden bersetuju bahawa dengan adanya mural dapat menaikkan ekonomi masyarakat setempat. Jumlah pertambahan pelancong yang datang sedikit sebanyak merancakkan ekonomi kepada peniaga makanan, peniaga barangan cenderamata dan juga perkhidmatan pengangkutan awam. Responden juga bersetuju mural dapat memperkenalkan sejarah dan latar belakang sesebuah kawasan. Ini jelas menunjukkan bahawa mural adalah satu bentuk penyampaian secara visual tentang sejarah atau latar belakang sesebuah tempat secara tidak langsung menjadi ikon kepada tempat tersebut. Majoriti responden bersetuju bahawa mural merupakan tarikan pelancongan yang mempunyai nilai komersial kepada ekonomi setempat. Data juga menunjukkan rekod seramai 26 orang responden atau 100% bersetuju mural boleh mencantikkan kawasan setempat serta dapat meningkatkan ekonomi setempat.

5 KESIMPULAN




Figura 3 Persepsi dan Kesan Mural

Berdasarkan rajah diatas persepsi masyarakat terhadap mural dan kesan terhadap masyarakat dan ekonomi. Dapatan kajian mendapati mural dapat mencantikkan persekitaran dan menghasilkan pengalaman visual untuk tatapan orang ramai. Sekali gus, menjadi tempat tarikan dan tumpuan pelancong.

Kesan Mural kepada masyarakat adalah bertindak sebagai perantara eksperisi budaya, iaitu penceritaan secara visual tentang sejarah dan latar belakang sesebuah tempat. Secara umumnya mural sering menggambarkan unsur budaya atau sejarah tempatan, yang boleh mengukuhkan rasa identiti dan kebanggaan masyarakat. Ini dapat menghasilkan impak positif dalam mengeratkan hubungan sosial dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat.

Kesan kepada ekonomi pula menjadi galakan untuk usahawan tempatan dan industri pelancongan. Mural yang terkenal atau menarik secara visual boleh menjadi tarikan kepada pelancong tempatan dan dari luar negara. Ini boleh menggalakkan pertumbuhan dalam industri pelancongan tempatan. Jumlah pertambahan pelancong yang datang dapat merancakkan ekonomi kepada peniaga makanan, peniaga barangan cenderamata dan juga perkhidmatan pengangkutan awam. Ia juga menjadi sebahagian daripada projek pemulihan bandar atau pembangunan kepada sesebuah kawasan tertentu. Dengan

menambah baik penampilan fizikal kejiranan, mereka boleh meningkatkan nilai hartanah dan menarik pelaburan ke kawasan tersebut.

Oleh itu, kesan mural terhadap ekonomi dan masyarakat boleh menjadi sangat positif dengan meningkatkan estetika, budaya dan ekonomi tempatan, tetapi ia juga boleh menimbulkan cabaran atau kontroversi sosial bergantung kepada konteks dan persepsi individu.

Cadangan kajian akan datang mengkaji kaedah dan strategi terbaik untuk memastikan kemampanan dan penyelenggaraan mural, termasuk teknologi pemeliharaan, penyelenggaraan kelaziman dan pembiayaan jangka panjang.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa-Nya, segala puji bagi Allah S.W.T. Yang Maha Esa, Tuhan sekalian alam, kerana memberi kekuatan dan inspirasi untuk penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penyelidik yang telah membuat penyelidikan yang bersama-sama dan mengembangkan pengetahuan mereka dalam menyiapkan penyelidikan ini.

PEMBIAYAAN

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana agensi dan dana penyelidikan.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis memberi komitmen dan tumpuan yang sama dalam menyiapkan penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- _____. NST Online. (2014). Mural art trail crosses city. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/2015/09/mural-art-trail-crosses-city> on 22 December 2023
- _____. Astro Awani Online. (2023). *Lukisan mural di SK Methodist ACS Kampar jadi tarikan terbaharu di Perak*. Retrived from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lukisan-mural-di-sk-methodist-acs-kampar-jadi-tarikan-terbaharu-di-perak-435524>? on 05 January 2024.
- _____. DIVA.MY (2014). Jejak Seni Mural' Tarikan Terbaru di Ipoh. Retrived from <https://diva.my/2014/47562/jejak-seni-mural-tarikan-ipoh/> on 05 January 2024.
- Barrett, T. (1994). *Criticizing Art: Understanding the Contemporary*. Mountain View, California: Mayfield Publishing Company.
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Landi, P. J. (2012). *Public art - Purpose and benefits: Exploring strategy in the new England City Of Pittsfield*, Massachusetts. Master Thesis.
- Miles, M. B, & Huberman, A. M. *Qualitative Data Analysis: An Expended Sourcebook, Second Edition*. Carlifonia: SAGE Publication, Inc.
- Mustafa, M. (2009). *Public art in the Federal Territory of Putrajaya: Questions of value and role*. Wacana Seni Journal of Arts Discourse. Jil./Vol.8, P. 69-96.

- Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin, Noor A'yunni Muhammad (2017). Seni Kelarai Dan Seni Mural: Pertembungan Timur Dan Barat. *Idealogy*, 2(2) : 116-121, 2017
- Omar, S. S., Md Sakip, S. R. & Mt Akhir, N. (2016) *Bringing the New to the Old: Urban Regeneration through Public Arts*, Procedia - Social and Behavioral Sciences, Volume 234, P. 515-524.
- Puspita Giri, K. R., Utami, N. W. A., Persada N. G. E. & Putra I. D. G. (2021). *Mural Sebagai Media Eduksi Pelestarian Kebudayaan Daerah*. Jurnal Lentera Widya, Vol.2, No.2, P. 1-11.
- Sadatiseyedmahalleh, S. Rahman, S. & Abdullah, A. (2015). *Analyzing Street To Present The Heritage of George Town, Malaysia*. Proceeding: International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding (IJMMU) Vol. 2, No. 4, P. 24-30.
- Schneller, A.J. & Irizarry, A. (2014) Imaging conservation: Sea turtle murals and their effect on community pro-environmental attitudes in Baja California Sur, Mexico, *Ocean & Coastal Management*, Volume 89, P. 100-111.
- W. Mohd Apandi W. N. (2018). Perbezaan Seni Mural Dan Grafiti. *Idealogy Journal of Arts and Social Science*, 2018, Vol. 3, No. 1, P. 75-80
- Wahiza Abdul Wahid (2011). *Sejarah Seni Lukis & Seni Reka – Satu Pengenalan*. Perpustakaan Negara Malaysia.